

## **Pembentukan Model Kejurulatihan Sekolah Sukan Malaysia: Penerokaan Jurulatih Elit dalam Pembangunan Atlet Murid**

*The Formation of a Malaysian Sports School Coaching Model: An Exploration of Elite Coaches in the Development of Student Athletes*

**Abdul Rahaman Mohamed\*, Zulakbal Abd Karim & Ali Md Nadzalan**

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
\*email: abdulrahaman2803@gmail.com

**Published:** 22 December 2023

**To cite this article (APA):** Mohamed, A. R., Abd Karim, Z., & Md Nadzalan, A. (2023). Pembentukan Model Kejurulatihan Sekolah Sukan Malaysia: Penerokaan Jurulatih Elit dalam Pembangunan Atlet Murid. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(2), 23–34. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.2.3.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.2.3.2023>

### **Abstrak**

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang amat menghargai bakat dan kebolehan semula jadi masyarakatnya yang berbilang kaum dalam pelbagai bidang, salah satunya adalah bidang sukan. Usaha untuk memperkasakan bidang sukan di peringkat sekolah dalam usaha mengoptimumkan keberhasilan dan pencapaian atlet murid dalam pelbagai bidang sukan perlu dimulakan. Oleh yang demikian, satu kertas konsep disediakan untuk mengkaji jurulatih elit di Sekolah Sukan Malaysia dalam membangunkan atlet murid yang berbakat. Kertas konsep ini akan membincangkan keseluruhan proses kajian ini. Pada dasarnya kajian ini akan dijalankan menggunakan Kaedah Kualitatif melalui pendekatan Evolved Grounded Theory oleh Strauss dan Corbin (1990, 1998, 2008) dan The Coaching Model (Cote et al., 1995) serta melibatkan jurulatih elit Sekolah Sukan Malaysia sebagai subjek kajian. Melalui kertas konsep ini, penerangan lanjut akan diberikan mengenai pengenalan, pernyataan masalah, objektif, metodologi, dapatan kajian, perbincangan, implikasi kajian dan kesimpulan. Kajian ini secara langsung akan meneroka isu, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh jurulatih elit dalam merancang dan melaksanakan program latihan yang melibatkan atlet murid sekolah sukan. Melalui kajian ini juga, hasil dapatan kajian yang diperolehi akan dibandingkan dengan The Coaching Model (Cote et al., 1995) bagi melihat variasi dapatan dan perkembangan hasil kajian. Akhir sekali, melalui pengumpulan dan analisis data yang dijalankan secara saintifik, dapatan kajian yang diperolehi akan membantu dalam menghasilkan model kejurulatihan yang berorientasikan Sekolah Sukan Malaysia berdasarkan reka bentuk penyelidikan yang dijalankan.

**Kata kunci:** jurulatih elit, kejurulatihan berkesan, model kejurulatihan, Sekolah Sukan Malaysia

### **Abstract**

*Malaysia is a democratic nation that highly values the talents and inherent abilities of its multiracial population in a variety of disciplines, including sports. Efforts must be taken to empower the field of sports at the school level for the purpose to optimise the outcome and achievement of student-athletes in various sports fields. As a result, a concept paper has been written to examine the significance of elite coaches in Malaysian Sports Schools in developing outstanding student-athletes. This concept paper describes the complete research procedure. This study was conducted using the qualitative method through the Evolved Grounded Theory approach developed by Strauss and Corbin (1990, 1998, 2008) and The Coaching Model (Cote et al., 1995), with the elite coaches of the Malaysian Sports School participating as the study's subjects. Through this concept paper, the introduction, problem statement, objectives, methodology, research findings, discussion, research implications, and conclusions were explained. This study explores the issues, obstacles, and challenges encountered by elite coaches*

*while planning and implementing training programmes for sports school athletes. The results of this research were also compared to The Coaching Model (Cote et al., 1995) to identify the variation in findings and the progression of the study's findings. Finally, through the scientific accumulation and analysis of data, the obtained research findings aid in the development of a coaching model oriented towards the Malaysian Sports School is based on the conducted research design.*

**Keywords:** elite coach, effective coaching, coaching model, Malaysian Sports School

## **PENGENALAN**

Di Malaysia, institusi sekolah memainkan peranan penting dalam melahirkan atlet muda yang berbakat. Jurulatih di peringkat akar umbi dan remaja perlu memainkan peranan dengan lebih aktif dengan mempunyai perancangan yang bersistematik untuk melatih atlet yang akan mewakili negara ke peringkat dunia. Penglibatan guru yang dilantik menjadi jurulatih di sekolah perlu diperkukuhkan bagi membantu mereka menjalankan tugas kejurulatihan di peringkat sekolah. Husin Deraman, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud dan Rahmad Sukor Ab. Samad (2017), berpendapat sekolah memainkan fungsi terpenting melahirkan bakat yang kemudian berkembang menjadi ikon. Pembangunan sukan akar umbi di Malaysia adalah semestinya bermula di sekolah-sekolah kerana alam persekolahan di Malaysia bermula pada umur 6 tahun hingga 17 tahun. Menurut Ahsan Ahmad (1999) jurulatih sukan sekolah memainkan peranan penting dalam perancangan program pembangunan sukan dan menjadi watak penting dalam membangunkan dan melahirkan atlet murid yang berbakat. Jurulatih juga adalah pencetus atau perancang yang akan memastikan atlet murid dan pasukan mereka dapat memperagakan persembahan terbaik dalam penyertaan sesuatu pertandingan dan seterusnya berjaya mencapai kejayaan di dalam sesuatu pertandingan atau sebaliknya (Ahsan Ahmad, 1999). Di samping itu, selari dengan pembangunan pesat program-program pembangunan sukan, pembangunan infrastruktur dan kemudahan sukan juga mendapat sokongan kerajaan dengan pelaburan yang amat tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2021). Walau bagaimanapun ianya masih belum dapat memberi saingan yang berkesan di peringkat antarabangsa dalam pelbagai lapangan sukan secara amnya.

Pusat Kecemerlangan Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (PKSKPM) ialah sekolah yang dilantik oleh pihak kementerian yang berperanan sebagai pusat sukan untuk mencungkil dan menggilap potensi atlet murid yang berbakat dalam sukan di bawah bimbingan jurulatih yang berkelayakan atau berkompertisi (KPM, 2021). Menurut Husin Deraman et al. (2017), sekolah ialah satu organisasi sosial yang meliputi satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. Jurulatih yang kompeten adalah sangat signifikan kepada pengurusan sumber manusia berdasarkan dua tingkah laku iaitu pembelajaran dan prestasi yang mana terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan (kemahiran) jurulatih dalam pengembangan program sukan dan pengurusan organisasi yang akan membawa kepada pengambilan, perancangan dan strategi jurulatih yang berkesan (Ranier, Rosalejos & Lesley, 2019). Di bawah KPM sebanyak 5 buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) telah ditubuhkan bermula dengan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada tahun 1996 dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) pada tahun 1998 melalui perancangan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMKe-5; 1991-1995). Seterusnya Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) ditubuhkan pada tahun 2012, Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS) ditubuhkan pada tahun 2013 dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT) pula ditubuhkan pada tahun 2014. Dasar Sekolah Sukan Malaysia (SSM) digubal untuk menyokong dan menambah baik Dasar Sukan yang mana pada 20 Januari 1988, Jemaah Menteri telah meluluskan Dasar Sukan Negara. Dasar ini merangkumi sukan prestasi tinggi dan sukan massa. KPM adalah salah satu agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Dasar Sukan Negara yang menjelaskan bahawa sukan adalah satu aktiviti yang bukan sahaja mampu menyumbang kepada penghasilan tenaga manusia yang berdaya saing dan produktif malah kepada pembangunan manusia itu sendiri seperti yang diinspirasikan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka dan menilai jurulatih elit SSM berdasarkan kepada The Coaching Model (Coté, Saimela, Trudel, Baria & Russell, 1995) dalam melaksanakan pengurusan program pembangunan atlet yang berkesan dalam usaha menyediakan

atlet murid dan pasukan mereka bagi menghadapi sesuatu pertandingan atau kejohanan. Kajian ini juga selari dengan keperluan dan kehendak sistem pendidikan negara yang telah berevolusi yang menjadikan sukan adalah satu daripada aspek penting yang perlu dititik beratkan dan boleh menjadi satu kerjaya kepada atlet murid pada satu hari nanti (Abdul Halim Ismail, 2021). Pada masa ini terdapat 90 jurulatih sepenuh masa yang berkelayakan dalam kalangan guru yang melatih di SSM, (KPM, 2021). KPM khususnya Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) pula telah melaksanakan pelbagai penganjuran kejohanan sukan sama ada di peringkat antarabangsa dan kebangsaan disamping penyertaan kejohanan di luar dan dalam negara. Kejohanan Sekolah-Sekolah Asia yang diadakan pada tahun 2014 dan 2015 di Malaysia, Kejohanan Sekolah-Sekolah Asean pada tahun 2017 di Malaysia, Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia dan Liga Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2021) menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan kejurulatihan sukan di bawah KPM. Jurulatih-jurulatih yang berada di SSM adalah penerus kesinambungan dalam mencungkil dan melahirkan atlet yang berbakat untuk digilap sehingga boleh dan mampu menjadi pelapis negara pada suatu hari nanti.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam kajian ini, pernyataan masalah yang pertama adalah melibatkan karakter jurulatih SSM. Melalui maklumat yang diperolehi melalui temu bual bersama pengetua dan pentadbir SSM, hasil maklum balas yang diperolehi menerangkan bahawa jurulatih SSM perlu diperkaya dan diberi nilai tambah berkenaan dengan ilmu yang berkaitan kejurulatihan supaya mereka dapat mengaplikasikan suatu pengetahuan atau kemahiran baru dalam sukan terutamanya bidang sains sukan & sains kejurulatihan. Di samping itu, melalui hasil dapatan daripada Laporan Pemantauan SSM 2018 dan 2019 (KPM, 2018, 2019), jurulatih perlu diberi pendedahan dalam aspek psikologi sukan dan pengurusan sukan agar mereka dapat menguruskan disiplin atlet supaya masalah disiplin dalam kalangan atlet murid dapat dikurangkan seminima yang mungkin. Menurut Nurhasni Mohd Noor (2014) dalam kajiannya menjelaskan bahawa tingkah laku kejurulatihan yang negatif boleh mendatangkan reaksi negatif daripada pemain dan membawa kepada hubungan peribadi negatif antara atlet dan jurulatih. Manakala Anuar Din, Salleh Abd Rashid dan Mohd Isha Awang (2015) berpendapat kepuasan atlet dalam sukan yang diceburi juga boleh dipengaruhi oleh gaya kepimpinan jurulatih, kepuasan kerja jurulatih dan pengurusan program latihan jurulatih yang berkesan. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa tingkah laku kejurulatihan berdasarkan penilaian atlet boleh mempengaruhi pencapaian atlet (Allen & Howe, 1998, Amorose & Horn, 2001, Amorose & Smith, 2003, Black & Weiss, 1992).

Selain itu, terdapat isu yang menjadi perhatian dalam kajian ini iaitu tahap pengetahuan jurulatih SSM secara keseluruhan dalam konteks sukan prestasi tinggi yang menjadi faktor pemangkin utama untuk mencetuskan kejayaan atlet murid di bawah bimbingan mereka. Berdasarkan kepada rujukan terhadap Laporan Tahunan BSJK (KPM, 2018, 2019) mendapati wujudnya jurang dan ketidakseimbangan penglibatan atlet murid di SSM dalam kejohanan yang menjadi penanda aras bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di peringkat kebangsaan iaitu Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) selain penyertaan atlet murid di kejohanan antarabangsa yang diiktiraf oleh KPM, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Dapatan ini selari dengan penemuan oleh Noorshafinah Ahmad (2021) yang menyatakan terdapat pengurangan penglibatan dan kemerosotan prestasi atlet SSM di kejohanan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Setiap jurulatih haruslah menilai dan melihat kembali apakah sebab prestasi atlet tidak tetap dan stabil serta tidak berada pada tahap terbaik yang mana ia selari dengan pendapat yang diberikan oleh Anuar Din et al. (2015) bahawa para jurulatih perlu merangka program latihan selaras dengan perkembangan sains sukan moden tanpa melupakan aspek fasiliti dan kemudahan serta mengurangkan pendekatan secara tradisional. Seterusnya adalah berkenaan dengan dasar, polisi dan garis panduan khusus untuk jurulatih melaksanakan program pembangunan sukan untuk atlet. Menurut Mohammad Seman, Muhammad Faizal A. Ghani, Syed Kamaruzaman Syed Ali, Rosli Hamid, & Mohamed Faizul Mat Som (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pihak penggubal dasar harus memberi perhatian terhadap konteks sekolah sukan supaya dasar-dasar yang digubal atau diperkenalkan sesuai dengan konteks sekolah sukan. Di samping itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Horino (2020) mendapati pengkaji-pengkaji yang melakukan penyelidikan berkenaan dengan jurulatih pakar ataupun berpengalaman dalam pelbagai bidang sukan sama ada sukan individu ataupun berpasukan, akhirnya berjaya menghasilkan satu model kejurulatihan

yang sesuai dan berorientasikan populasi jurulatih tersebut yang dapat digunakan sebagai panduan dan rujukan untuk melaksanakan perancangan program latihan.

Sebagai tambahan, kajian lalu yang berkaitan dengan kejurulatihan sukan di SSM hanya menumpukan kepada aspek-aspek seperti gaya kejurulatihan, motivasi dan orientasi matlamat (Nurhasni Mohd Nor, 2014, Nelfianty Mohd Rasyid, 2009), gaya kepimpinan jurulatih (Anuar Din, Abd Salleh dan Sufian Amalludin, 2012), keberkesanan SSM (Mohammad Seman et al., 2021), tahap kecergasan fizikal atlet (Noorshafinah Ahmad, 2021) dan sokongan sosial dan status kesihatan mental (Nor Juhaida Basri, 2018). Kajian-kajian ini tidak memberi gambaran yang menyeluruh tentang peranan dan pengalaman jurulatih elit di SSM. Kajian-kajian ini juga tidak mengambil kira cabaran, konflik, tekanan dan dilema yang dihadapi oleh jurulatih elit dalam melaksanakan tugas mereka sebagai jurulatih di SSM. Sehubungan dengan itu, penyelidikan terhadap jurulatih elit SSM adalah amat bermakna untuk dilaksanakan berdasarkan kepada isu-isu atau masalah-masalah yang berbangkit agar melalui kajian ini dapat melihat secara terperinci permasalahan tersebut dan dapat melihat jalan dan kaedah yang terbaik untuk merungkai masalah-masalah yang wujud dalam kalangan jurulatih SSM dan menjadi panduan untuk pemegang taruh dalam memantapkan aspek kejurulatihan di SSM.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Meneroka dan mengenalpasti cabaran-cabaran, isu-isu yang wujud dan ruang penambahbaikan bagi jurulatih elit SSM.
- ii. Menenalpasti dan membuat perbandingan hasil dapatan maklumat berkenaan jurulatih elit SSM dengan *The Coaching Model* (Cote et al., 1995).
- iii. Pembentukan Model Kejurulatihan yang berorientasikan SSM.


## **METODOLOGI**

Dalam penyelidikan ini, pendekatan kajian yang akan digunakan adalah melalui kaedah penyelidikan secara kualitatif yang menggunakan pendekatan *Evolved Grounded Theory* (Strauss & Corbin, 2008, 1998, 1990) dan berpandukan kepada *The Coaching Model* oleh Cote et al. (1995) bagi mencapai matlamat kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik memilih pensampelan bertujuan atau dikenali *Purposeful Sampling* (Othman Lebar, 2018) yang selari dan sinonim dengan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan *Evolved Grounded Theory* (Strauss & Corbin, 2008, 1998, 1990). Selain itu, Chua (2011) juga berpendapat bahawa persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan dimana sekumpulan subjek mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Oleh yang demikian, kajian ini akan melibatkan responden daripada jurulatih-jurulatih elit di lima (5) buah SSM di bawah kendalian BSKK, KPM. Sekolah Sukan tersebut ialah SSBJ yang terletak di Bukit Jalil Kuala Lumpur, SSTMI yang terletak di Bandar Penawar Johor, SSMP yang terletak di Gambang Pahang, SSMS yang terletak di Kota Kinabalu Sabah dan SSMT yang terletak di Kuala Terengganu Terengganu.


Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan mengumpul data melalui Temu Bual Semi Berstruktur Mendalam dengan format soalan terbuka, Pemerhatian dan Analisis Dokumen (Patton, 2002, Strauss & Corbin, (2008, 1998, 1990), Spradley, 1979, Othman Lebar, 2018, Chua, 2011 dan Howitt, 2019). Menurut Strauss dan Corbin (2008, 1998, 1990), data kebiasaannya dikumpulkan dari pemerhatian, temu bual, buku harian, atau dokumen bertulis lain yang dilakukan terhadap tempat kajian dan peserta kajian. Teori baharu akan terhasil secara beransur-ansur dan dibina dari pengumpulan data mentah dan berkembang daripada pengkodan fenomena dan tema (Zulakbal Abd Karim, 2016). Penyelidik juga akan melaksanakan kajian ini berpandukan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak KPM melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga termasuk menghadiri kursus etika bagi memenuhi syarat untuk melaksanakan kajian. Etika kajian merujuk kepada prinsip-prinsip atau

nilai-nilai moral yang perlu dipegang oleh peneliti dalam menjalankan kajian secara bertanggungjawab, beretika dan berintegriti (Creswell & Creswell, 2018). Penyelidikan ini juga akan melibatkan pembinaan instrumen temubual yang akan melalui proses pengesahan pakar seramai 5 orang yang akan disahkan melalui panduan Cohen Kappa Coefficient (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016) yang kerap digunakan dalam kajian kualitatif untuk mengukur kebolehpercayaan antara penilai. Disamping itu, penyelidik juga akan menggunakan kaedah triangulasi terhadap data yang dikumpulkan dan kajian rintis (Merriam, 2009, 2019, Marohaini, 2013), bagi memastikan setiap item maklumat mempunyai tahap kesahan yang tinggi.

Manakala bagi pelaksanaan proses analisis data dalam kajian ini, penyelidik akan merujuk dan menggunakan tujuh langkah Evolved Grounded Theory seperti yang digariskan oleh Strauss dan Corbin (2008, 1998, 1990) iaitu Pengekodan Terbuka (Open Coding), Teoritikal Sensitiviti (Theoretical Sensitivity), Pengekodan Paksi (Axial Coding), Pengekodan Pilihan (Selective Coding), Proses (The Process), Pemerhatian Secara Visual (Conditional Matrix) dan Teori Persampelan (Theoretical Sampling). Banyak penyelidik sains kejurulatihan sukan telah menyesuaikan garis panduan Strauss dan Corbin (2008, 1998, 1990) dalam penyelidikan mereka seperti Zulakbal Abd Karim, 2016, Rames Ram, 2021, Bloom et al., 1997, d'Arripe-Longueville et al., 1998, Côte & Sedgwick, 2003, Irwin et al., 2004, Kitamura et al., 2005, Abraham et al., 2006, Côte & Gilbert, 2009, Nash et al., 2011, Bennie & O'Connor, 2010, Bennie & O'Connor, 2011 dan Horino, 2020. Kesimpulannya, Evolved Grounded Theory adalah suatu kajian yang bersifat konseptual atau teori sebagai hasil pemikiran induktif daripada data yang dihasilkan dalam penelitian mengenai suatu keadaan. Melalui pendekatan Evolved Grounded Theory oleh Strauss dan Corbin (2008, 1998, 1990), hasil analisis terhadap data yang diperolehi akan dapat membantu penyelidik dalam memastikan objektif kajian dan persoalan kajian dapat diteroka dan dirungkai dengan baik dan berkesan.



**Rajah 1** Kerangka Konseptual



**Rajah 2** The Coaching Model (Coté et al. 1995)

## DAPATAN KAJIAN

Melalui penyelidikan ini, penyelidik berharap ianya dapat menghasilkan dapatan kajian yang memberansangkan dan dapat menjawab dan merungkai objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan. Kajian ini dijangka dapat meneroka profil jurulatih elit yang terlibat dalam program pembangunan sukan di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan faktor-faktor yang mempengaruhi kejurulatihan mereka. Kajian ini juga akan dapat mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh jurulatih elit dalam pembangunan atlet murid di SSM dan strategi-strategi penyelesaian yang digunakan oleh mereka bagi memastikan kemenjadian dan keberhasilan atlet murid tercapai selari dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian secara amnya dan secara khususnya oleh pihak sekolah dan jurulatih tersebut. Selain itu, isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh jurulatih elit dalam proses pembangunan atlet murid seperti perancangan latihan, penilaian prestasi, pengurusan masa, pengurusan konflik, pengurusan tekanan, pengurusan personal dan pengurusan sumber dapat ditelusuri dan diterokai. Kajian ini juga akan mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian yang digunakan oleh jurulatih elit untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut seperti penyelesaian masalah, membuat keputusan, kerjasama, adaptasi, inovasi dan pembelajaran reflektif. Melalui reka bentuk kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini, penyelidikan ini akan berupaya untuk meneroka dan menganalisis secara mendalam berkaitan kesan atau hasil usaha kejurulatihan jurulatih elit terhadap prestasi atlet murid di SSM dari segi aspek fizikal, teknikal, taktikal, mental dan sosial.

Selain itu, kajian ini juga akan dapat mengkaji dan mengenalpasti faktor-faktor pendukung dan penghalang yang mempengaruhi hubungan antara kejurulatihan jurulatih elit dan prestasi atlet murid seperti komitmen atlet murid, keyakinan diri atlet murid, gaya pembelajaran atlet murid, gaya pengajaran jurulatih elit, kualiti interaksi jurulatih-atlet murid dan budaya organisasi SSM. Akhirnya melalui semua dapatan yang diperolehi ini satu model konseptual kejurulatihan sukan SSM yang merangkumi elemen-elemen penting dalam proses pembangunan atlet murid dapat dibentuk melalui

kaedah analisis data menggunakan pendekatan Evolved Grounded Theory (Strauss & Corbin, 2008, 1998, 1990) serta The Coaching Model yang telah dihasilkan oleh Coté et al. (1995) sebagai rujukan dan panduan dalam kajian ini. Model kejurulatihan berorientasikan SSM ini diharapkan dapat dibentuk dengan merangkumi elemen-elemen penting dalam proses pembangunan atlet murid seperti pengetahuan kejurulatihan, tingkahlaku kejurulatihan, konteks & matlamat kejurulatihan sukan, prinsip-prinsip kejurulatihan sukan, komponen-komponen kejurulatihan sukan dan hasil-hasil kejurulatihan sukan. Hasil dapatan kajian ini juga akan dibandingkan dengan The Coaching Model (Coté et al. 1995) untuk melihat hubungkait dan penemuan baru yang dapat memperkasa dan memantapkan hasil kajian ini.

## **PERBINCANGAN**

Dalam penyelidikan ini, berdasarkan kepada dapatan atau hasil kajian, kajian ini dijangka dapat mengemukakan beberapa cadangan yang dapat memberikan maklum balas kepada objektif dan persoalan kajian. Mengoptimumkan peranan jurulatih SSM sebagai pendidik, mentor, fasilitator dan pemimpin dalam pembangunan atlet murid dengan menyediakan garis panduan, bahan-bahan dan latihan yang relevan. Kajian ini akan mencadangkan agar pihak KPM menyediakan polisi dan garis panduan yang jelas untuk semua sekolah sukan dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran agar pelaksanaan program pembangunan sukan di setiap SSM dapat berjalan dengan terancang dan seragam. Ini juga akan memudahkan pihak KPM untuk membuat pemantauan dan penilaian khususnya terhadap jurulatih dalam aspek profesionalisme dan kompetensi mereka sebagai jurulatih di SSM. Melalui kajian ini juga, cadangan berkaitan menyediakan garis panduan yang jelas dan konsisten untuk jurulatih mengenai matlamat, objektif, isi kandungan, kaedah, teknik, alat bantu dan penilaian kejurulatihan sukan dapat dilakukan oleh pihak pengurusan SSM. Kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menyediakan bahan-bahan yang berkualiti dan terkini untuk jurulatih elit seperti buku-buku, jurnal-jurnal, artikel-artikel, video-video, perisian-perisian dan aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan kejurulatihan sukan. Selain itu, kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menyediakan latihan yang berkesan dan berterusan untuk jurulatih elit seperti modul-modul, modul-modul latihan dalam talian (e-learning), *refresher course*, simulasi-simulasi dan amali-amali yang dapat meningkatkan kemahiran kejurulatihan jurulatih SSM.

Di samping itu, meningkatkan kualiti dan kuantiti jurulatih elit yang terlibat dalam program SSM dapat dioptimumkan dengan menyediakan peluang-peluang pembelajaran sepanjang masa, sokongan profesional dan insentif yang sesuai. Kajian ini akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menyediakan peluang-peluang pembelajaran sepanjang masa untuk jurulatih seperti kursus-kursus, bengkel-bengkel, seminar-seminar, persidangan-persidangan dan lawatan-lawatan sambil belajar yang berkaitan dengan kejurulatihan sukan. Kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan KPM dan SSM menyediakan sokongan profesional untuk jurulatih seperti kaunseling, mentor-mentee, penyeliaan, kolaborasi dan kesepakatan profesional yang dapat membantu jurulatih SSM menghadapi cabaran-cabaran kejurulatihan. Selain itu, kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan KPM menyediakan insentif yang sesuai untuk jurulatih seperti penambahbaikan emolument, elaun, bonus, anugerah, pengiktirafan dan kemudahan yang dapat menarik dan mengekalkan jurulatih di SSM. Dapatan kajian juga akan menunjukkan bagaimana jurulatih elit di SSM mengatasi cabaran-cabaran besar dalam melaksanakan tugas-tugas kejurulatihan sukan dengan menggunakan strategi-strategi tertentu berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman seperti menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berunding, beradaptasi dan berubah sikap. Melalui proses kejurulatihan ini, secara tidak langsung dapat memberikan jurulatih elit pengalaman positif yang boleh meningkatkan prestasi, motivasi, kepuasan, kesetiaan, kesejahteraan, pembelajaran dan kemajuan jurulatih sendiri dan atlet murid (Nurhasni Mohd Nor, 2014, Mohammad Seman et al., 2021.). Selain itu, ia juga dapat memberikan jurulatih elit pengalaman bermakna yang boleh meningkatkan hubungan, komunikasi, kerjasama dan keharmonian antara jurulatih dengan pemegang taruh, persatuan sukan, atlet murid dan masyarakat (Yasim, Mazuki Mohd, Asro Othman, Thariq Khan Azizudin Khan, Jaffry Zakaria, 2022).



Memperkokuhkan kerjasama antara jurulatih elit dengan pihak-pihak berkepentingan lain seperti ibu bapa, guru, pengurus sukan, pakar-pakar dan agensi-agensi berkaitan dengan menyediakan platform komunikasi, maklum balas dan penilaian yang berkesan. Kajian ini akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menyediakan platform komunikasi yang mudah dan cepat untuk semua jurulatih berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan lain seperti emel, media sosial, laman web dan aplikasi-aplikasi komunikasi. Kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menyediakan mekanisme maklum balas dan penilaian yang adil dan telus untuk jurulatih daripada pihak-pihak berkepentingan lain seperti borang-borang maklum balas, borang-borang penilaian prestasi, instrumen temu bual maklum balas dan instrumen temu bual penilaian prestasi. Selain itu, mewujudkan budaya kejurulatihan yang positif, profesional dan beretika dalam program SSM dengan menetapkan standard, kod etika dan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang jelas. Kajian ini akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menetapkan standard kejurulatihan sukan SSM dan kod etika kejurulatihan selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK). Selain itu, kajian ini juga akan mencadangkan agar pihak pengurusan SSM menetapkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan kejurulatihan sukan SSM yang efektif dan adil seperti pemantauan dan penyeliaan berkala, penilaian prestasi jurulatih (audit kejurulatihan) yang merangkumi aspek pelaksanaan tugas kejurulatihan, pencapaian, disiplin dan peningkatan profesionalisme dan kompetensi mereka.

Akhirnya melalui pembentukan model kejurulatihan yang berorientasikan SSM, kajian ini akan mencadangkan agar pihak KPM dan SSM untuk menjadikan model ini sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan polisi, dasar mahupun garis panduan pengurusan kejurulatihan untuk jurulatih SSM agar segala keperluan untuk jurulatih dalam membangunkan atlet murid dapat disediakan pada tahap yang paling relevan dan terkini.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Melalui hasil dan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, penyelidik berharap ianya dapat memberikan garis panduan yang ideal dan bersesuaian kepada jurulatih SSM untuk merangka dan merancang program pembangunan atlet murid mengikut keperluan dan matlamat yang ditetapkan oleh SSM dan KPM agar hasil yang terbaik dan berkualiti dapat dicapai. Penemuan ini nanti boleh digunakan oleh pentadbir sukan di KPM dan sekolah, pengurus pasukan dan jurulatih dalam membantu dan memberi panduan bagi merancang dan menyusun program latihan bagi atlet murid. Selaku seorang jurulatih sepenuh masa, persediaan sebagai seorang jurulatih yang pakar (berpengetahuan), kompeten serta mempunyai karakter jurulatih yang berjaya adalah amat penting dalam memastikan segala perancangan dan pengurusan program pembangunan atlet dapat disediakan dengan teliti dan mencapai objektif dan matlamat yang dirangka yang mana ianya selari dengan hasrat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM), JPA.(S).600-1/3/31 (2) bertarikh 21 Disember 2021 yang bermatlamat untuk membentuk pegawai perkhidmatan awam yang kompeten selaras dengan keperluan masa kini serta bersedia bagi menghadapi cabaran di masa akan datang melalui 3 pendekatan utama iaitu Pembangunan Kompetensi, Penilaian Prestasi dan Penilaian Potensi Kemajuan Kerjaya.

Melalui kajian ini diharapkan ianya dapat memberi pandangan tentang amalan-amalan kejurulatihan yang terbaik dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan kejurulatihan mereka dalam pembangunan atlet murid. Kajian ini juga akan dapat memberi maklum balas dan penilaian tentang prestasi kejurulatihan mereka dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka yang akhirnya digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi kejurulatihan mereka. Kajian ini juga dapat memberi maklum balas dan penilaian tentang prestasi atlet murid dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka agar kemenjadian atlet murid dapat dioptimalkan sehingga tidak ada murid yang tercicir dan ketinggalan dalam peningkatan prestasi dan kecemerlangan dalam sukan. Kajian ini diharapkan juga dapat memberi maklum balas dan penilaian tentang keberkesanan program pembangunan sukan SSM dan dapat digunakan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program tersebut yang seterusnya memperkasa dan memantapkan pengurusan pentadbiran SSM. Untuk pihak penyelidik, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada literatur kejurulatihan sukan dengan pembinaan model konseptual kejurulatihan sukan yang

berorientasikan SSM yang boleh digunakan sebagai asas untuk kajian-kajian lanjutan. Kajian ini juga dapat memberi maklumat dan data yang berguna untuk penyelidikan-penyelidikan berkaitan dengan kejurulatihan sukan serta dapat memberi cadangan dan sokongan untuk meningkatkan kemahiran dan idea-idea baru kepada penyelidik.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian Jika diperhatikan dalam beberapa dekad yang lalu, pelbagai model konseptual kejurulatihan yang kompleks atau rumit telah dicadangkan. Hasil daripada tinjauan kajian terkini, adalah dianggap bahawa jurulatih elit atau pakar meletakkan kepentingan pada pembangunan prestasi sukan, pembangunan prestasi kemanusiaan dan sokongan (organisasi) (Horino et al. 2020). Daripada model yang dicadangkan melalui pendekatan saintifik yang ketat, model yang paling sesuai adalah yang lebih berorientasikan jurulatih (Horino et al. 2020). Model praktikal sedemikian boleh meningkatkan kebolegunaan interaksi rumit antara jurulatih dan atlet serta boleh memudahkan dalam perancangan pembangunan untuk atlet. Rumusnya adalah penting untuk mengintegrasikan pelbagai model konseptual melalui pengumpulan penyelidikan lanjutan dan yang lebih penting adalah untuk mencadangkan model berorientasikan jurulatih yang boleh digunakan dalam kejurulatihan. Kajian ini juga dijangka dapat membina model konseptual kejurulatihan sukan SSM yang merangkumi elemen-elemen penting dalam pembangunan atlet murid. Bennie dan O'Connor (2011) berpendapat bahawa banyak model yang sedia ada tidak cuba untuk melambangkan keseluruhan tindakan jurulatih tetapi sebaliknya memberikan representasi bahagian penting dalam proses kejurulatihan. Oleh itu, masih belum mungkin untuk mewujudkan konsep umum kejurulatihan yang berkesan dalam pelbagai situasi kejurulatihan (Abraham et al., 2006, Cushion, 2006).

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ismail. (2021). Pembinaan model perkhidmatan sokongan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru di sekolah Kuala Lumpur (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abraham, A., Collins, D., & Martindale, R. (2006). The coaching schematic: Validation through expert coach consensus. *Journal of sports sciences*, 24(06), 549-564. Retrieved from <https://eprints.leedsbeckett.ac.uk/id/eprint/374/1/The%20CoachingSchematic.pdf>
- Ahsan Ahmad. (1999). Program Latihan Sukan: Amalan jurulatih tempatan. Universiti Putra Malaysia. [http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9113/1/FPP\\_1999\\_7\\_A.pdf](http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9113/1/FPP_1999_7_A.pdf)
- Anuar Din, Salleh Abd Rashid, & Mohd Isha Awang. (2015). Aspek pengurusan program latihan dan kesannya terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. *International Journal of Management Studies*, 22(1), 73-95. Diperoleh daripada <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/article/view/10421/2339>
- Anuar Din, Abd Salleh, Sufian Amalludin (2012). Faktor peramal kepuasan kerja terhadap gaya kepimpinan jurulatih Sekolah Sukan Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 23(1), 9-28. Diperoleh daripada [http://eprints.iab.edu.my/v2/12/1/Baru\\_edited\\_1705.Sukan-Amaluddin\\_suku.pdf](http://eprints.iab.edu.my/v2/12/1/Baru_edited_1705.Sukan-Amaluddin_suku.pdf)
- Allen, J. B., & Howe, B. L. (1998). Player ability, coach feedback, and female adolescent athletes' perceived competence and satisfaction. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 20(3), 280-299. Retrieved from [https://dspace.stir.ac.uk/bbitstream/1893/8939/1/AllenandHowe\\_JSEP\\_1998.pdf](https://dspace.stir.ac.uk/bbitstream/1893/8939/1/AllenandHowe_JSEP_1998.pdf)
- Amorose, A. J., & Horn, T. S. (2001). Pre-to post-season changes in the intrinsic motivation of first year college athletes: Relationships with coaching behavior and scholarship status. *Journal of Applied Sport Psychology*, 13(4), 355-373. Retrieved from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.521.2321&rep=rep1&type=pdf>
- Amorose, A. J., & Smith, P. J. (2003). Feedback as a source of physical competence information: Effects of age, experience and type of feedback. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 25(3), 341-359. Retrieved from <https://doi.org/10.1123/jsep.25.3.341>
- Bennie, A., & O'Connor, D. (2010). Coaching philosophies: Perceptions from professional cricket, rugby league and rugby union players and coaches in Australia. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 5(2), 309-320. Retrieved from <https://sci-hub.yncjkj.com/10.1260/1747-9541.5.2.309>

- Bennie, A., & O'Connor, D. (2011). An effective coaching model: The perceptions and strategies of professional team sport coaches and players in Australia. *International Journal of Sport and Health Science*, 9, 98-104. Retrieved from <https://sci-hub.yncjkj.com/10.5432/ijshs.201108>
- Black, S. J., & Weiss, M. R. (1992). The relationship among perceived coaching behaviors, perceptions of ability, and motivation in competitive age-group swimmers. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 14(3). Retrieved from <https://booksc.org/book/61130551/cbf08e>
- Bloom, G. A., Durand-Bush, N., & Salmela, J. H. (1997). Pre-and postcompetition routines of expert coaches of team sports. *The Sport Psychologist*, 11(2), 127-141. Retrieved from [https://www.researchgate.net/profile/Gordon-Bloom/publication/292864409\\_PreandPostcompetitiionn\\_Routines\\_of\\_Expert\\_Coaches\\_of\\_Team\\_Sports/Links/5f9193dba6fdccfd7b758b73.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Gordon-Bloom/publication/292864409_PreandPostcompetitiionn_Routines_of_Expert_Coaches_of_Team_Sports/Links/5f9193dba6fdccfd7b758b73.pdf)
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and psychological measurement*, 20(1), 37-46. doi: 10.1177/001316446002000104
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5<sup>th</sup> ed). Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc. Retrieved from <https://mylib.org/book/5023141/3ad332>
- Côté, J., & Gilbert, W. (2009). An integrative definition of coaching effectiveness and expertise. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 4(3), 307-323. Retrieved from [https://www.researchgate.net/profile/Jean\\_Cote3/publication/249883809\\_An\\_Integrative\\_Definition\\_of\\_Coaching\\_Effectiveness\\_and\\_Expertise/links/55b777a308aed621de046248.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Jean_Cote3/publication/249883809_An_Integrative_Definition_of_Coaching_Effectiveness_and_Expertise/links/55b777a308aed621de046248.pdf)
- Coté, J., Salmela, J., Trudel, P., Baria, A., & Russell, S. (1995). The coaching model: A grounded assessment of expert gymnastic coaches' knowledge. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 17(1), 1-17. doi: 10.1123/jsep.17.1.1
- Cote, J., & Sedgwick, W. A. (2003). Effective behaviors of expert rowing coaches: A qualitative investigation of Canadian athletes and coaches. *International Sports Journal*, 7(1), 62. Retrieved from <https://wcmacki23.files.wordpress.com/2008/03/mentalarticle.pdf>
- Cushion, C. (2006). Mentoring: Harnessing the power of experience. *The Sports Coach as Educator*, 129-144. Routledge. Retrieved from <https://mylib.org/book/876166/4e346e>
- d'Arripe-Longueville, F., Fournier, J. F., & Dubois, A. (1998). The perceived effectiveness of interactions between expert French judo coaches and elite female athletes. *The Sport Psychologist*, 12(3), 317-332. Retrieved from [https://web.archive.org/web/20180721234851id\\_/https://hal-insep.archives-ouvertes.fr/hal-01712645/document](https://web.archive.org/web/20180721234851id_/https://hal-insep.archives-ouvertes.fr/hal-01712645/document)
- Ghazali Darussalam., & Sufean, Hussin (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/304582601>
- Horino H. (2020). Conceptualization studies of the coaching process. *Science in Olympic Sport*, 2:57-63. Retrieved from [https://sportnauka.org.ua/en/wp-content/uploads/nvos/articles/2020.2\\_6.pdf](https://sportnauka.org.ua/en/wp-content/uploads/nvos/articles/2020.2_6.pdf)
- Howitt, D. (2019). *Introduction to qualitative research methods in psychology: Putting theory into practice* (4<sup>th</sup> ed.). United Kingdom: Pearson Education Limited. Retrieved from <https://mylib.org/book/17475087/ae2013>
- Husin Deraman, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud, & Rahmad Sukor Ab. Samad. (2017). Pelaksanaan pengurusan pasukan bola sepak untuk program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 55-65. Diperoleh daripada [http://jice.um.edu.my/index.php/JU\\_KU/article/view/8221/5692](http://jice.um.edu.my/index.php/JU_KU/article/view/8221/5692)
- Irwin, G., Hanton, S., & Kerwin, D. (2004). Reflective practice and the origins of elite coaching knowledge. *Reflective Practice*, 5(3), 425-442. Retrieved from <https://sci-hub.se/10.1080/1462394042000270718>
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2021). Pekeliling perkhidmatan dasar pembangunan sumber manusia perkhidmatan awam (DPSM), JPA.(S).600-1/3/31 (2). Putrajaya: JPA
- Kitamura, K., Saito, S., & Nagayama, T. (2005). How do expert coaches enhance athletes' and team performance?: Construction of a coaching mental model of expert high school soccer coaches in Japan. *Japanese Journal of Sport Psychology*, 32, 17-28. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=HhdcCgAAQBAJ&pg=PA379&lpg=P>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian. Putrajaya: BSSK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Laporan Tahunan Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian. Putrajaya: BSSK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Pemantauan Bersepadu Sekolah Sukan Malaysia. Putrajaya: BSSK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Laporan Pemantauan Bersepadu Sekolah Sukan Malaysia. Putrajaya: BSSK.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Sekolah Sukan Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-menengah/sekolah-sukan-malaysia>
- Mohammad Seman, Muhammad Faizal A. Ghani, Syed Kamaruzaman Syed Ali, Rosli Hamid, & Mohamed Faizul Mat Som. (2021). Tahap keberkesanan sekolah sukan di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 61-87. Diperoleh daripada <http://mojes.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/28476/12761>
- Nash, C. S., Sproule, J., & Horton, P. (2011). Excellence in coaching: The art and skill of elite practitioners. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 82(2), 229-238. Retrieved from [https://www.researchgate.net/profile/ChristineNash/publication/261661309\\_Excellence\\_in\\_Coaching/links/5a6afac3a6fdcc2aedee6cc0/Excellence-in-Coaching.pdf](https://www.researchgate.net/profile/ChristineNash/publication/261661309_Excellence_in_Coaching/links/5a6afac3a6fdcc2aedee6cc0/Excellence-in-Coaching.pdf)
- Nelfianty Mohd Rasyid, (2009). Motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih dari perspektif atlet. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diperoleh daripada [https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/922\\_922.pdf](https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/922_922.pdf)
- Nurhasni Mohd Noor. (2014). Hubungan tingkah laku kejurulatihan dengan motivasi atlet bola sepak di sekolah sukan Malaysia (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noorshafinah Ahmad (2021). Tahap kecergasan fizikal antara atlet sukan individu dan atlet sukan berpasukan di Sekolah Sukan Malaysia Pahang (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Juhaida Basri (2018). Penerimaan sokongan sosial dan status kesihatan mental berdasarkan jantina dalam kalangan atlet pelajar di Sekolah Sukan Malaysia. *Malaysia Outdoor Recreation Conference*. Vol, 4, 15. Diperoleh daripada [Book%201%20Malaysia%20Outdoor%20Recreation%2015%20ogos.pdf#page=31](https://www.researchgate.net/publication/321308667)
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode* (ed. ke-2). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3<sup>rd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc. Retrieved from <https://aulasvirtuales.files.wordpress.com/2014/02/qualitative-research-evaluation-methods-by-michael-patton.pdf>
- Ramalu, R. R., Karim, Z. A., & Elumalai, G. (2021). Malaysian State Sports Schools Football Coaching Process Key Themes Development: Constant Comparison Method in Data Analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(3). Retrieved from <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.3.04>
- Spradley, J. P. (1979). *The ethnographic interview*. Fort Worth: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers. Retrieved from <https://my1lib.org/book/2710753/7f4b27>
- Strauss, A. & Corbin, J. M. (2008). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (3<sup>rd</sup> ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc. Retrieved from <https://my1lib.org/book/2495402/ad9a84>
- Strauss, A. & Corbin, J. M. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc. Retrieved from <https://my1lib.org/book/936340/352219>
- Strauss, A. & Corbin, J. M. (1990). *Basic of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Technique*. Newbury Park, Calif: Sage Publications. Retrieved from [https://books.google.com.my/books?id=4jC2AAAIAAJ&source=gbs\\_book\\_other\\_versions](https://books.google.com.my/books?id=4jC2AAAIAAJ&source=gbs_book_other_versions)
- Yasim Mazuki Mohd, Asro Othman, Thariq Khan Azizudin Khan, Jaffry Zakaria (2022). Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*. Vol, 11(1), 89-97. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol11.1.10.2022>
- Zulakbal Karim. (2016). Malaysian football coaches: The key challenges. *International Journal Of Health, Physical Education and Computer Science in Sports*, 24(1), 18–24. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/321308667>